

47.7 peratus penduduk Malaysia obes

BH

10/4/2016

MLS 7

» *Rakyat turut diancam penyakit tidak berjangkit*

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2015, mendapati 47.7 peratus rakyat dewasa negara ini berlebihan berat badan atau obes.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata lebih membimbangkan, tahap prevalensi obesiti di Malaysia mencatat bacaan lebih tinggi iaitu 17.7 peratus berbanding prevalensi global pada 13 peratus.

Beliau berkata, prevalensi keseluruhan diabetis melitus dalam kalangan rakyat berumur 18 tahun ke atas adalah 17.5 peratus, prevalensi keseluruhan (30.3 peratus) dan satu dalam dua rakyat negara ini dikenal pasti mengalami 'hiperkolesterolemia'.

"Kebiasaannya, individu (obes) yang tidak dikenal pasti (penyakit di peringkat awal) hanya akan menunjukkan tanda kehadiran penyakit berkaitan itu pada kemudiannya (usia meningkat).

"Peringkat akhir ini biasanya, memberi risiko komplikasi sama ada sangat tinggi atau sudah menghampiri kepada permasalahan kardiovaskular seperti serangan jantung atau strok," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Bulan Nutrisi Malaysia 2016 di pusat beli-belah

One Utama di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Datuk Saiful Anuar Lebai Hussien. Yang turut hadir, Presiden Persatuan Pemakanan Malaysia, Dr Tee E Siong.

Dalam pada itu, Dr Subramaniam menyatakan, tidak berlaku penurunan prevalensi Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) dan faktor risiko di Malaysia.

Belum ubah tingkah laku

Katanya, rakyat Malaysia ketika ini didapati belum mengubah tingkah lalu dan sikap mereka dengan berkesan dalam menangani masalah terbabit.

"(Selain masalah obes) Malaysia juga diancam oleh NCD, yang menyumbang kepada kira-kira 73 peratus daripada jumlah kematian di negara ini, dengan 35 peratus kematian membabitkan individu berumur kurang 60 tahun.

"Rakyat Malaysia boleh dianggap sebagai 'penduduk yang sakit' berdasarkan angka yang membimbangkan ini," katanya.

Sebagai usaha kawalan, Dr Subramaniam berkata, kementerian akan melaksanakan Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan III 2016-2025 (NPANM III) dalam masa terdekat, iaitu lanjutan daripada NPANM I (1996-2005) dan NPANM II (2006-2015).



Untuk komen,
hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook
BH Online